

INTERNALISING SOFT SKILLS: ISLAMIC LEADERSHIP THROUGH THE ISLAMIC *HALAQAH* PROGRAM AMONG MALAYSIAN POLYTECHNIC STUDENTS.

¹Ariyanti Adnan , ²Wan Norina Wan Hamat, ³Khairu Subhi Mat Ali

^{1&2}*Jabatan Pengajian Am, Politeknik Ungku Omar*

³*SMK Buntong, Ipoh Perak*

Corresponding author: masteryanti@gmail.com

ABSTRACT

Purpose - This study aimed to determine the level of soft skills among the students of Ungku Omar Polytechnic students has been achieved after participating in the Halaqah Muhsinah Program especially in terms of communication, leadership and the internalisation of values and morals.

Methodology - This descriptive survey study involved a sample of 29 students who served as naqibahs or facilitators of the program. A set of questionnaire was used as the study instrument and the data were analysed using Statistical Package for Social Science (SPSS) for Windows Version 20.0. The researcher also interviewed five students comprising of Naqibah or program facilitators to support the data and findings of the study.

Findings – The findings showed that there was an increase in the level of soft skills among Ungku Omar Polytechnic students especially in the areas of Islamic leadership and communication as among the required soft skills for students nowadays. Students' involvement as naqibah in the Muhsinah halaqah program to guide other peers able to train and increase their confidence to lead and communicate well, as well as to influence other friends towards wellbeing and the development of *akhlaq*.

Significance - It is a hope that the results of this study can become as guidance for the relevant parties to varies the number of programs such as Halaqah Muhsinah to produce graduates with excellent soft skills, highly confident and competent, especially in the areas of leadership and communication skills.

Keywords: Soft skills, Islamic leadership, Halaqah Muhsinah.

PENGENALAN

Penerapan dan pembangunan kepimpinan pelajar di peringkat Institusi Pengajian Tinggi (IPT) adalah salah satu kemahiran insaniah yang penting dan mempunyai nilai tambah jati diri yang tinggi dalam menghasilkan graduan berketerampilan. Malah kemahiran kepimpinan yang Islamik, memiliki pembinaan sahsiah diri, mampu menjadi contoh dan membimbing pelajar lain, sangat diperlukan oleh setiap graduan Islam bukan sahaja bagi memenuhi cabaran pada masa depan tetapi menjadi akar umbi pengamalan dan akhlak yang ada dalam diri secara berterusan sebagai seorang pemimpin dalam kerjaya mahu pun organisasi kelak.

Oleh kerana golongan mahasiswa merupakan aset penting kepada pembangunan dan halatuju sesebuah negara, selain mempunyai kemahiran kepimpinan, mahasiswa yang dilahirkan oleh IPT perlu memiliki elemen-elemen kemahiran insaniah yang lain. Walaupun tidak terdapat satu set senarai kemahiran yang khusus tentang kemahiran insaniah, tetapi menurut Marliana Musa & Ahmad Esa (2009), Ahmad Esa & Hisham Jamaludin (2009), antara elemen utama kemahiran insaniah yang sering digunapakai dan dilakukan kajian oleh para penyelidik ialah kemahiran berkomunikasi, kemahiran kerja berpasukan, pemikiran kritis dan penyelesaian masalah, etika dan moral profesional dan juga kemahiran kepimpinan.

Berdasarkan kajian dan pengamalan tersebut, maka di peringkat Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), tujuh elemen kemahiran insaniah telah digariskan iaitu kemahiran berkomunikasi, pemikiran kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran kerja berpasukan, pembelajaran sepanjang hayat dan pengurusan maklumat, kemahiran keusahawanan, moral dan etika professional dan kemahiran kepimpinan. Kesemua kemahiran ini secara praktikalnya diterapkan kepada pelajar melalui tiga kaedah pembangunan iaitu di dalam aktiviti formal pembelajaran dan pengajaran (PnP), aktiviti program sokongan dan aktiviti kehidupan di kampus (KPT 2006). Dalam erti kata lain pembangunan kemahiran insaniah bukan sahaja boleh diperolehi di dalam kelas malah di luar kelas contohnya seperti dalam aktiviti kokurikulum. Seperti yang diutarakan oleh Adnan Kamis (1993) dan Vasudevan T. Arosoo (1988) aktiviti kokurikulum adalah pelengkap kepada kurikulum dan dapat membantu potensi pembangunan diri individu.

Selain itu , aktiviti kokurikulum dapat membekalkan pengalaman bagi perkembangan mental, bakat, sosial, jasmani, dan rohani pelajar (Mohd Najib 2007) bagi melahirkan graduan sebagai modal insan yang holistik. Holistik dalam pembangunan diri seorang pelajar tidak terbatas kepada disiplin ilmu dan pemantapan kemahiran semata-mata, malah turut merangkumi aspek pembangunan minda, spiritual, sahsiah dan etika (Jarvis & Parker,2005).

Di peringkat institusi pengajian tinggi, kokurikulum merupakan pelengkap kepada kitaran kurikulum pengajian bidang teras. Kurikulum kokurikulum telah dirancang untuk menerapkan kriteria khusus untuk pembangunan kemahiran insaniah yang merupakan komponen kepada pembentukan modal insan (Juliza Ezaida 2014). Oleh sebab itulah di IPT, terdapat banyak platform kokurikulum yang boleh disertai oleh mahasiswa untuk membentuk dan meningkatkan kemahiran insaniah, keterampilan dan personaliti mereka. Antaranya seperti kelab dan persatuan, pertubuhan dan badan beruniform (Norazila Mat et al. 2017) serta aktiviti-aktiviti dan program-program tertentu yang dianjurkan oleh fakulti, jabatan dan sebagainya.

PERNYATAAN MASALAH

Dalam sistem pendidikan yang diamalkan hari ini, melanjutkan pengajian ke IPT merupakan sesuatu yang diperlukan oleh seorang pelajar sekiranya ingin mendapat “tiket” masa depan yang baik. Memiliki sijil diploma, ijazah, sarjana dan sebagainya membuka ruang yang lebih luas kepada pelajar untuk diterima bekerja dalam industri. Tetapi ruang pendidikan yang secara umumnya kita fahami menjadi mekanisme utama ke arah membentuk individu yang berilmu, bukan sekaligus memberi ruang pembentukan kemahiran insaniah yang optimum. Sedangkan, dunia hari ini sering membahas dan menuntut supaya kemahiran insaniah menjadi sebagai nilai tambah yang perlu ada dalam diri seorang graduan sebagai persediaan melangkah ke alam pekerjaan.

Memahami keperluan tersebut, pihak IPT mengambil langkah-langkah khusus seperti menerapkan secara tidak langsung pembinaan kemahiran insaniah ini dalam proses pembelajaran berdasarkan tugasan-tugasan pelajar, mewujudkan aktiviti kokurikulum seperti kelab dan persatuan bagi memberi ruang yang lebih ke arah pembinaan dan penerapan kemahiran insaniah tersebut ke dalam diri pelajar. Persoalannya, sejauhmanakah pelajar menyedari dan memahami serta merebut peluang ini kerana bukan semua pelajar berminat meningkatkan kemahiran insaniah mereka. Begitu juga mereka tidak berminat menyertai aktiviti

kokurikulum di luar waktu pembelajaran kecuali yang telah ditetapkan pihak institusi. Apa yang mereka faham hanyalah perlu mencapai keputusan akademik yang cemerlang dan meniadakan kepentingan pembinaan kemahiran insaniah seperti kemahiran komunikasi yang baik, kemahiran kepimpinan yang tinggi apatah lagi disertai dengan pembentukan akhlak atau peribadi yang baik. Hal ini disokong oleh dapatan kajian Khaidzir Ismail, Khairil Anwar Shaharuddin & Ahmad Jumali Selamat (2010) yang mendapati tanggapan pelajar terhadap kegiatan kokurikulum adalah sama sekali tidak penting kerana ia tidak dinilai sebagaimana pencapaian akademik mereka malahan mereka menganggap ia membuang dan mencuri masa mereka.

Hasilnya, tidak ramai dalam kalangan graduan yang mempunyai keyakinan diri yang tinggi, mampu membuat keputusan dan menyelesaikan masalah apatah lagi mampu menjaga akhlak serta bersikap tanggungjawab terhadap tugas. Malah sebaliknya apa yang kita lihat adalah pelajar yang mempunyai kelulusan tetapi tidak memiliki kemahiran insaniah yang baik malah mempunyai masalah kebejatan akhlak dan moral. Selain itu dalam sebuah kajian lain yang dilakukan oleh Roslina Ahrnad Faisal, Salleh Amat & Noriah Mohd Ishak (2010) mendapati, kebanyakan pelajar masih tidak menyedari bahawa penglibatan mereka dalam aktiviti kokurikulum di universiti memberi kesan yang positif terhadap pembinaan dan pembangunan diri mereka.

Oleh sebab itulah kewujudan program atau aktiviti yang khusus dan terancang, dengan objektif yang jelas difahami oleh pelajar apa yang mereka lakukan dan ingin capai dalam program, atau aktiviti tersebut dapat memberi serta mendedahkan kepada pelajar kesedaran yang jelas, ruang yang lebih luas dan sistematik bagi mereka membangunkan, menguasai dan mempraktikkan elemen-elemen kemahiran insaniah dengan lebih baik adalah sangat digalakkan.

Atas kesedaran tersebut maka program Halaqah Muhsinah merupakan salah satu program sokongan di luar PdP direkabentuk secara khusus untuk melatih kemahiran komunikasi, kepimpinan selain penerapan nilai dan akhlak kepada pelajar. Pelajar mengetahui dan memahami tujuan program ini iaitu untuk melahirkan naqibah yang berketrampilan dan berpengalaman dalam membina kemahiran komunikasi, kepimpinan dan meningkatkan nilai akhlak yang baik. Hasil dari pelaksanaan program yang dilakukan secara berkala ini, kajian ini dijalankan bagi melihat adakah program ini membantu peningkatan dari aspek kemahiran insaniah dalam kalangan pelajar siswi Politeknik Ungku Omar setelah mengikuti Program Halaqah Muhsinah khususnya dari aspek komunikasi, kepimpinan dan juga penerapan nilai dan akhlak.

KEMAHIRAN INSANIAH

Kemahiran insaniah adalah antara perkara yang sangat ditekankan dalam pembangunan 'Modal Insan' pelajar di Institusi Pengajian Tinggi (IPT). Ia muncul menjadi fokus baru yang ditekankan di seluruh dunia, kerana disifatkan sebagai sesuatu yang penting dalam meningkatkan produktiviti sesebuah organisasi. (Nealy 2005). Oleh sebab itu, kemahiran insaniah merupakan aspek yang sangat dititikberatkan oleh majikan dalam bidang industri dan program-program latihan (Zukifli Mansor 2008) kerana ia menyumbang kepada peningkatan produktiviti syarikat. Justeru, kemahiran insaniah dilihat sangat penting kerana ia menyumbang kepada kualiti dan kebolehpasaran graduan dalam persaingan mendapatkan pekerjaan di pasaran kerja setelah tamat pengajian.

Kemahiran insaniah turut dikenali dengan istilah-istilah lain yang berbeza antaranya adalah *soft skills*, *behavioural skills*, *enterprise skills*, *key competencies*, *core skills*, *employability skills* dan *people skills*. (Dawe 2002). Walau pun tidak ada garis panduan khusus menetapkan apakah keseluruhan item kemahiran insaniah, namun secara umumnya dapat difahami ia merupakan satu set kemahiran yang bertujuan untuk melengkapkan pembentukan insan supaya seimbang serta harmoni dari segi intelek, rohani, emosi dan fizikal berasaskan pegangan teguh dan kepercayaan kepada Tuhan. Kebanyakannya berkait

dengan kemahiran seperti kepimpinan, kerjasama berpasukan, komunikasi dan pembelajaran berterusan (Hazilah Mohd Amin et al. 2013).

Kebanyakan pelajar tidak menyedari bahawa kemahiran insaniah ialah kemahiran yang sering kita gunakan dalam kehidupan seharian. Oleh sebab itulah di peringkat KPT kita melihat aktiviti program sokongan dan aktiviti kehidupan di kampus menjadi kaedah penerapan dan pembangunan kemahiran insaniah secara tidak langsung. Walau bagaimana pun, penyediaan platform, program atau aktiviti yang khusus dan terancang memberikan ruang yang lebih luas dan sistematik bagi memastikan pelajar mampu terlibat, membangunkan, menguasai dan mempraktikkan elemen-elemen kemahiran insaniah dengan lebih baik adalah sangat perlu . Oleh kerana itu, aktiviti-aktiviti di luar kelas seperti aktiviti kokurikulum yang disediakan serta dirancang dengan baik oleh pihak institusi mampu menjadi ruang dan peluang untuk pelajar mempelajari secara tidak langsung elemen-elemen kemahiran insaniah. Hal ini bertepatan dengan pendapat Ab. Manaf & Fauzee (2002) yang menyatakan bahawa aktiviti kokurikulum dapat memberi latihan awal dari segi kepimpinan, sahsiah dan kemasyarakatan dalam kalangan pelajar. Malah menurut Ab. Alim (1999) pula, ada menyatakan aktiviti kokurikulum adalah aktiviti yang mengajar pengalaman pendidikan di luar kelas. Walaupun sebahagiannya dilaksanakan secara tidak formal atau tidak langsung, ia berjaya menekankan perkara serta aspek yang tersembunyi seperti nilai, bakat, peranan dan kepimpinan pelajar.

KEPIMPINAN ISLAM

Kepimpinan menurut Kamus Dewan didefinisikan sebagai keupayaan memimpin (Kamus Dewan 2007). Menurut perspektif Islam, kepimpinan merupakan satu proses yang dapat menggerakkan sekumpulan manusia untuk memenuhi kehendak Islam untuk jangka masa pendek dan panjang yang mampu menghasilkan satu wawasan untuk menuju kepada matlamat Islam (Berhanuddin Abdullah 1997). Dalam perspektif agama Islam yang syumul, setiap individu muslim adalah pemimpin yang memegang tampuk kepimpinan sebagai satu tanggungjawab atau taklif ke atas dirinya (Muhd Akmal Noor et al. 2015). Malah kepimpinan itu berlaku dalam bentuk yang pebagai hala dan semua individu berfungsi sebagai pemimpin (Mahmood Zuhdi, 1999). Seorang pemimpin juga seharusnya boleh menjadi contoh dan teladan kepada orang lain bukan sahaja dari segi cara dan kaedah pengurusan tetapi juga dari segi akhlak dan amal ibadat.

Dalam konteks kepimpinan sebagai kemahiran insaniah yang boleh diperolehi dari aktiviti luar kelas, menurut Gary Yukl (2001) ia dibentuk apabila seseorang individu itu dapat melaksanakan tugas sebagai ketua kumpulan atau dapat memimpin dengan baik dan teratur. Hal ini disokong oleh Mohd. Hamidi Abdul Hamid (2002) yang menyatakan, ilmu memimpin sama sekali tidak sama dengan orientasi ilmu akademik yang kebanyakannya berkaitan dengan kelas dan ujian. Ia diperolehi melalui pendidikan berdasarkan pengalaman yang dirasakan sendiri oleh seorang pelajar dalam aspek memimpin, mengurus dan berhadapan dengan karenah manusia. Apabila mereka diberi tanggungjawab mengurus sesuatu aktiviti persatuan, kelab atau aktiviti-aktiviti lain, secara tidak langsung mereka belajar memimpin dan mengurus ahlinya (manusia) dan ia memerlukan kebijaksanaan, strategi, psikologi dan kaedah komunikasi yang betul dan tertentu.

Sementara kebolehan memimpin, menguruskan ahli di bawahnya dengan baik secara teratur dan bijaksana akan lebih baik dengan penambahan input-input nilai keislaman dalam diri seseorang pelajar kerana ia memandu ke arah kebaikan.

HALAQAH MUHSINAH

Halaqah Muhsinah adalah satu program sokongan yang dirancang dan dilaksanakan oleh Unit Pendidikan Islam dan Moral, Jabatan Pengajian Am Politeknik Ungku Omar, Perak. Program ini diwajibkan kepada

semua pelajar siswi muslim semester 1. Program ini dilaksanakan secara berkala setiap hari Jumaat sepanjang semester 2 kali dalam setahun. Pendekatan program ini adalah untuk memberi pendedahan tentang cara hidup Islam mengikut syariat yang sebenar kepada pelajar.

Selain melibatkan pelajar siswi semester 1, program ini turut melibatkan kumpulan *nuqaba*' dari kalangan pelajar siswi semester-semester lain yang berperanan sebagai naqibah atau fasilitator untuk membimbing pelajar-pelajar semester 1 dalam kumpulan (*halaqah*) masing-masing. Di sinilah bagaimana program ini dilihat selain melatih pelajar, ia juga memberikan pengalaman secara tidak langsung dalam melahirkan para naqibah yang memainkan peranan sebagai pemimpin terhadap ahli kumpulannya. Bertepatan dengan salah satu objektif program ini untuk melahirkan kumpulan naqibah atau fasilitator yang berpengalaman bagi membimbing kumpulan pelajar sebagai pembimbing rakan sebaya muslim, ia melatih cara memimpin, kerjasama berpasukan, proses penyelesaian masalah, serta teknik komunikasi yang bersesuaian dalam mempengaruhi rakan sebaya ke arah kebaikan dan pembinaan akhlak.

Oleh kerana program ini dilaksanakan di luar PdP, program ini dilihat sebagai salah satu aktiviti program sokongan dalam kehidupan kampus pelajar.

OBJEKTIF KAJIAN

Antara objektif yang ingin dicapai melalui kajian ini adalah untuk:

1. Menenalpasti sejauh mana tahap penguasaan kemahiran insaniah dalam kalangan naqibah sebelum mengikuti program Halaqah Muhsinah.
2. Menenalpasti sejauh mana tahap penguasaan kemahiran insaniah dalam kalangan naqibah selepas mengikuti program Halaqah Muhsinah.
3. Mengkaji sama ada terdapat perbezaan yang signifikan dalam penguasaan kemahiran insaniah dalam kalangan naqibah dari Jabatan Perdagangan dengan Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi?

PERSOALAN KAJIAN

Persoalan kajian ini adalah seperti berikut:

- i. Sejauh manakah tahap penguasaan kemahiran insaniah dalam kalangan naqibah sebelum mengikuti program Halaqah Muhsinah?
- ii. Sejauh manakah tahap penguasaan kemahiran insaniah dalam kalangan naqibah setelah mengikuti program Halaqah Muhsinah?
- iii. Adakah wujud perbezaan yang signifikan dalam penguasaan kemahiran insaniah dalam kalangan naqibah dari Jabatan Perdagangan dengan Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi?

SKOP KAJIAN

Fokus kajian ini hanya dilakukan di Politeknik Ungku Omar , Ipoh Perak. Justeru kajian ini hanya melibatkan seramai 29 responden dalam kalangan naqibah, Program Halaqah Muhsinah di politeknik yang berkenaan.

KEPENTINGAN KAJIAN

Dapatan kajian ini dapat dijadikan panduan kepada politeknik-politeknik lain dalam mewujudkan program yang bersesuaian kepada pelajar selari dengan dasar dan matlamat yang telah ditetapkan oleh Kementerian

Pengajian Tinggi. Kajian ini juga diharapkan dapat memberi sumbangan kepada penyelidikan mengenai kesan penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum seperti program tertentu yang dilaksanakan secara berkala dan hubungannya dengan pembinaan kecemerlangan diri. Diharapkan ia akan menjadi salah satu bahan rujukan untuk penyelidik lain yang berminat untuk membuat kajian lanjutan.

METODOLOGI KAJIAN

Reka bentuk penyelidikan yang digunakan dalam kajian ini ialah kajian berbentuk deskriptif tinjauan yang melibatkan sampel seramai 29 orang pelajar yang menjawat jawatan sebagai naqibah atau fasilitator program. Set borang soal selidik digunakan sebagai instrumen kajian. Pembinaan instrumen kajian ini dibina dan disesuaikan oleh pengkaji berdasarkan konsep dan pandangan yang telah dikemukakan oleh penyelidik terdahulu iaitu Ahmad Esa et al (2005 dan 2008).

Soal selidik ini mengandungi 2 bahagian utama. Bahagian A mengandungi maklumat demografi responden dan bahagian B mengandungi item-item untuk kemahiran insaniah yang dikuasai oleh pelajar setelah mengikuti program Halaqah Muhsinah sepanjang 2 semester di Politeknik Ungku Omar. Kesemua data-data dianalisis menggunakan Statistical Package for Sosial Science (SPSS) for Windows Version 20.0. Pengkaji turut menemu bual lima orang pelajar yang terdiri daripada para naqibah atau fasilitator program bagi menyokong data dan dapatan kajian.

Analisis deskriptif telah digunakan untuk mendapatkan jumlah min dan sisihan piawai bagi memenuhi objektif yang telah ditetapkan. Berikut adalah tafsiran min untuk kajian ini.

Jadual 1: Skala Interpretasi Min

Nilai Min	Tahap Intrepetasi
1.00 hingga 2.39	Rendah (R)
2.40 hingga 3.79	Sederhana (S)
3.80 hingga 5.00	Tinggi (T)

Sumber: Ahmad Esa *et all* (2008).

DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian dianalisis menggunakan Statistical Package for Sosial Science (SPSS) for Windows Version 20.0. Dapatan ini dihurai berdasarkan persoalan kajian berikut:-

Persoalan Kajian 1: Sejauh manakah tahap penguasaan kemahiran insaniah dalam kalangan naqibah sebelum mengikuti program Halaqah Muhsinah?

Jadual 2 di bawah menerangkan dapatan kajian untuk persoalan kajian 1. Berdasarkan kepada analisis, tahap penguasaan kemahiran insaniah dalam kalangan naqibah sebelum mengikuti program didapati skor min keseluruhan berada pada tahap sederhana iaitu 3.14. Ini menunjukkan tahap penguasaan kemahiran insaniah naqibah berada pada tahap sederhana sahaja sebelum mengikuti program. Skor min yang terendah berdasarkan kepada setiap aspek kemahiran insaniah adalah kemahiran pengurusan maklumat dengan skor min 2.69 sahaja diikuti kemahiran kepimpinan iaitu dengan min 3.10. Kemahiran komunikasi dan kerja berpasukan pula mempunyai skor min yang sama iaitu 3.27. Selanjutnya skor min yang tertinggi antara kemahiran insaniah naqibah sebelum mengikuti program Halaqah Muhsinah ialah penerapan nilai akhlak.

Jadual 2: Penguasaan Kemahiran Insaniah sebelum mengikuti Program Halaqah Muhsinah

Bil	ITEM	Naqibah (N=29)	Interpretasi Min
1	Kemahiran Kepimpinan	3.10	S
2	Kemahiran Komunikasi	3.27	S
3	Kemahiran Kerja berpasukan	3.27	S S
4	Penerapan nilai dan Akhlak	3.41	S
5	Pengurusan maklumat	2.69	S
Keseluruhan		3.14	S

Persoalan Kajian 2: Sejauh manakah tahap penguasaan kemahiran insaniah dalam kalangan naqibah setelah mengikuti program Halaqah Muhsinah?

Jadual 3 di bawah menerangkan tentang dapatan kajian penguasaan kemahiran insaniah naqibah setelah mengikuti program Halaqah Muhsinah.

Jadual 3: Penguasaan Kemahiran Insaniah setelah mengikuti Program Halaqah Muhsinah

Bil	ITEM	Naqibah (N=29)	Interpretasi Min
1	Kemahiran Kepimpinan	4.63	T
2	Kemahiran Komunikasi	4.69	T
3	Kemahiran Kerja berpasukan	4.41	T
4	Penerapan nilai dan Akhlak	4.55	T
5	Pengurusan maklumat	4.38	T
Keseluruhan		4.53	T

Berdasarkan analisis data penguasaan kemahiran insaniah dalam kalangan naqibah didapati skor min keseluruhannya adalah 4.53 yang mana menunjukkan kemahiran insaniah naqibah setelah menyertai program Halaqah Muhsinah pada tahap yang tinggi. Analisa juga menunjukkan bahawa kemahiran komunikasi mencatat skor min yang paling tinggi iaitu 4.69. Manakala item yang mencatatkan skor min yang terendah adalah berkaitan dengan kemahiran pengurusan maklumat iaitu dengan min 4.38 seterusnya

diikuti dengan kemahiran kerja berpasukan dengan nilai min 4.41. Walau bagaimana pun kelima-lima kemahiran insaniah yang dikaji ini secara keseluruhannya berada pada tahap yang tinggi.

Persoalan Kajian 3: Apakah wujud perbezaan yang signifikan dalam penguasaan kemahiran insaniah dalam kalangan naqibah dari Jabatan Perdagangan dengan Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi?

Untuk menjawab persoalan kajian kedua ini pengkaji menggunakan Ujian Independent Sampel T-Test, maka hipotesis perlu dibuat untuk menguji dapatan yang diperolehi. Oleh itu, hipotesis yang dibangunkan oleh pengkaji adalah seperti berikut:

- Ho Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara skor min penguasaan kemahiran insaniah naqibah dari aspek jabatan.
- Ha Terdapat perbezaan yang signifikan antara skor min penguasaan kemahiran insaniah naqibah dari aspek jabatan.

Jadual 4: Ujian t untuk melihat perbezaan penguasaan Kemahiran Insaniah setelah mengikuti Program Halaqah Muhsinah antara naqibah JP dan JTMK.

Ujian t tidak bersandar untuk menguji varians	Ujian t untuk nilai min				
	Tahap Kemahiran Generik	Jabatan	Min	T	df
Kemahiran Kepimpinan	JP	3.91	-1.40	22.8	0.175
	JTMK	4.23			
Kemahiran Komunikasi	JP	4.16	-0.27	22.9	0.788
	JTMK	4.23			
Kemahiran Kerja Berpasukan	JP	4.25	-1.40	21.53	0.219
	JTMK	4.53			
Penerapan nilai dan Akhlak	JP	4.08	-2.67	19.05	0.013
	JTMK	4.53			
Pengurusan maklumat	JP	4.25	-1.08	22.93	0.290
	JTMK	4.46			

Ujian t-tidak bersandar dilakukan bagi menentukan sekiranya terdapat perbezaan yang signifikan dalam tahap penguasaan kemahiran insaniah naqibah Jabatan Perdagangan (JP) dan Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (JTMK). Jadual 4 menunjukkan keputusan yang diperolehi bagi ujian t tidak bersandar sela keyakinan 0.05 (95% of confident interval). Merujuk kepada jadual 4 didapati analisis menunjukkan bahawa min bagi naqibah Jabatan JTMK sedikit tinggi berbanding Jabatan Perdagangan. Walaubagaimanapun tidak terdapat perbezaan yang ketara antara naqibah kedua-dua jabatan ini.

Hasil analisis keputusan statistik menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam penguasaan kemahiran kepimpinan, komunikasi, kerja berkumpulan dan pengurusan maklumat. Ini kerana nilai signifikan ujian t yang diperolehi lebih besar daripada nilai $\alpha = 0.05$ ($p > 0.05$). Namun begitu, terdapat perbezaan yang signifikan dalam penguasaan kemahiran penerapan nilai dan akhlak setelah kedua-dua naqibah jabatan ini mengikuti program Halaqah Muhsinah t (19.05)=-2.67, $p < .05$. Sela aras keyakinan 95% untuk perbezaan min adalah antara -.53 hingga .01.

PERBINCANGAN

Kebolehpasaran pelajar pada masa kini bukan sekadar bergantung kepada pencapaian akademik semata-mata. Malah ia memerlukan kepelbagaian kemahiran lain seperti kemahiran insaniah sebagai nilai tambah untuk diterima di dalam dunia pekerjaan. Seperti yang dibincangkan dalam kajian ini, program Halaqah Muhsinah adalah salah satu contoh aktiviti atau program sokongan di luar akademik yang secara tidak langsung memberi pendedahan serta cuba membangunkan pelbagai kemahiran insaniah pelajar. Antara aspek kemahiran insaniah yang cuba dikaji dan menjadi objektif kajian ini adalah untuk mengetahui sejauhmanakah aspek kepimpinan Islam dan komunikasi dapat ditingkatkan hasil daripada program luar PdP berbentuk Islamik yang dirancang secara lebih sistematik, tersusun dan berkala.

Berdasarkan kepada dapatan kajian, tahap penguasaan kemahiran insaniah pelajar sebelum dan selepas mengikuti Program Halaqah Muhsinah secara keseluruhannya menunjukkan peningkatan yang tinggi bagi kelima-lima aspek yang dinilai iaitu kemahiran kepimpinan, komunikasi, kerja berpasukan, penerapan nilai dan akhlak serta pengurusan maklumat. Sebelum mengikuti program ini sebahagian naqibah kurang pendedahan terhadap kemahiran insaniah ini. Kajian ini menggunakan skor 3.8 hingga 5 bagi menunjukkan tahap kemahiran yang tinggi berdasarkan konsep dan pandangan yang telah dikemukakan oleh penyelidik terdahulu iaitu Ahmad Esa et al (2005 dan 2008). Konsep dan pandangan ini bersesuaian dengan pendapat yang diutarakan oleh Nugent, Sieppert & Hudsan (2001), iaitu secara umum, skor-skor ini boleh digunakan untuk menggambarkan satu magnitud yang bersifat kontinum. Skor yang tinggi menunjukkan magnitud yang besar, manakala skor yang rendah menunjukkan magnitud yang kecil.

Justeru, analisis mendapati kelima-lima tahap penguasaan kemahiran insaniah yang dinilai selepas mengikuti Program Halaqah Muhsinah min berada pada tahap yang tinggi berbanding sebelum menghadiri program hanya pada tahap sederhana iaitu skor min keseluruhan 3.14. Ini bermakna program Halaqah Muhsinah yang telah dilaksanakan menyumbang kepada penguasaan aspek insaniah kemahiran memimpin dan komunikasi yang menjadi fokus utama objektif kajian. Hal ini juga disokong dengan hasil temubual bersama naqibah di mana mereka menyatakan bahawa, sebelum mengikuti program ini mereka kurang mendapat pendedahan bagaimana untuk meningkatkan keyakinan diri apabila berkomunikasi di hadapan orang ramai. Namun apabila mereka secara rutin perlu menjadi naqibah, perlu berkomunikasi menyampaikan pengisian kepada rakan sebaya muslim yang lain, ia tanpa sedar meningkatkan keyakinan dan kemahiran komunikasi mereka menjadi bertambah baik. Selain itu, mereka juga turut menyatakan, selepas mengikuti program Halaqah Muhsinah mereka mendapat peningkatan ilmu, bagaimana untuk menjadi seorang pemimpin yang dapat melaksanakan kerja berkumpulan dengan bantuan *team* yang baik.

Pada pendapat pengkaji, dalam kajian ini aspek kemahiran memimpin dan komunikasi ditekankan kerana pemimpin akan menjadi *role model* ikutan oleh orang yang dipimpin dari setiap aspek termasuk cara menguruskan kumpulan dan pendekatan komunikasi terbaik yang digunakan. Seperti yang diutarakan oleh Ahmad Redzuwan (2004), kepimpinan yang berkesan adalah pemimpin yang menjadikan diri mereka *role model* kepada pengikutnya di peringkat mana sekalipun selain bersikap penyantun dan mempunyai keperibadian yang baik.

Selain itu, kajian ini juga cuba melihat perbandingan adakah wujud perbezaan yang signifikan dalam penguasaan kemahiran insaniah naqibah dari dua jabatan iaitu dari Jabatan Perdagangan dan Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi di Politeknik Ungku Omar. Dua jabatan ini dipilih kerana kedua-dua jabatan ini mendominasi keseluruhan 29 sampel naqibah yang menjadi kajian. Faktor yang menyumbang kepada kebarangkalian tersebut adalah faktor program Halaqah Muhsinah yang khusus untuk pelajar siswi dan faktor kapasiti pelajar siswi adalah lebih tinggi di dua jabatan tersebut berbanding jabatan-jabatan lain yang rata-rata adalah pelajar lelaki.

Berdasarkan hasil analisis ujian t-tidak bersandar mendapati, tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara penguasaan kemahiran kepimpinan, komunikasi, kerja berkumpulan dan pengurusan maklumat. Ini menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang lebih dominan terhadap penguasaan kemahiran-kemahiran tersebut di antara dua jabatan tersebut. Walau bagaimanapun dalam kajian ini, dari aspek kemahiran penerapan nilai dan akhlak terdapat perbezaan yang signifikan. Ini bermakna naqibah dari

jabatan JTMK lebih dominan menguasai kemahiran penerapan nilai akhlak daripada naqibah dari jabatan JP.

Pada pendapat pengkaji, hal ini kerana penguasaan kemahiran-kemahiran ini bukanlah ditentukan dari jabatan mana sebaliknya ditentukan oleh keinginan dan kesungguhan seseorang naqibah tersebut untuk membina dan mengembangkan potensi kemahiran insaniah dalam diri melalui medium program yang dipilih. Di samping itu, mereka juga akan saling membantu di antara satu sama lain sebagai satu pasukan naqibah untuk menyelesaikan tugas serta memberikan bimbingan yang terbaik kepada rakan sebaya muslim yang lain di dalam kumpulan atau *team* masing-masing sebagai pemimpin. Kenyataan ini disokong oleh kajian Ahmad Esa & Hisham Jamaludin (2009) yang mendapati ketrampilan pemimpin yang baik dalam kalangan pelajar itu terbentuk melalui proses penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum, keterlibatan dalam menyelesaikan tugas dan masalah dalam kerja berkumpulan.

KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, hasil dapatan keseluruhan kajian ini menunjukkan Program Halaqah Muhsinah yang dilaksanakan secara terancang dan berkala, sangat membantu dalam melahirkan pelajar yang mempunyai jiwa kepimpinan yang tinggi serta dapat melahirkan pelajar yang yakin dalam menyampaikan maklumat dikhalayak ramai. Selain itu, kemahiran lain juga dapat dipupuk dengan baik. Oleh itu, sangat jelas hasil dapatan kajian, melalui program Halaqah Muhsinah ini banyak membantu pelajar untuk meningkatkan kemahiran-kemahiran insaniah yang sangat diperlukan oleh mereka untuk menghadapi alam pekerjaan kelak.

RUJUKAN

Ab.Alim, A. R. (1999). *Pengurusan Kokurikulum*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn.Bhd.

Ab. Manaf, R. dan Fauzee, M. S. O. (2002). *Kepentingan Kokurikulum Dalam Sistem Pendidikan*. Dalam Mohd. Sofian Omar Fauzee, Aminuddin Yusof dan Borhan Yusof (2002). *Kokurikulum Peranan Dan Implikasi*.Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd.

Adnan Khamis (1993). *Aktiviti Kokurikulum Dasar KBSM: Ke Arah Kemantapan Insan Seimbang. Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah: Pandangan dan Maklum Balas*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Ahmad Esa, Baharom Mohamad, Burhanuddin Mohd Salleh, Fauzianna Awang (2008). *Penguasaan Kemahiran Insaniah Dalam Kalangan Pelajar Kejuruteraan Melalui Pembelajaran Koperatif: Tinjauan Di Universiti Kuala Lumpur Malaysia France Institute (UniKL) MFI Dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM)*. Persidangan Pembangunan Pelajar Peringkat Kebangsaan 2008, Universiti Malaysia, 22-23 Oktober 2008.

Ahmad Esa dan Hisham Jamaludin (2009). *Peranan Kokurikulum Di Universiti Dalam Membentuk Keterampilan Mahasiswa*. Dalam: International Conference on Teaching and Learning in Higher Education 2009 (ICTLHE09), 23-25 November 2009, Kuala Lumpur.

Ahmad Esa, Jailani Mohd Yunus dan Noraini Kaprawi (2005). *Kebolehan Inventori Kemahiran Generik*. Jurnal Sains Sosial. Kolej Universiti Tun Hussien Onn Malaysia. Jilid 3 Bil 1. Disember 2005.

Ahmad Redzuwan Mohd Yunus (2004). *Tasawwur Kepimpinan Islam*.Jurnal 'Ulum Islamiyyah Vol.3 No.1, 3-34.

Berhanundin Abdullah (1997). *Amal Jamaie Dalam Organisasi Islam*. Besut: Zabib Enterprise.

Dawe, S. (2002). *"Focusing on Generic Skills in Training Packages."* Kengington Road: NCVET.

Gary Yukl (2011). "Leadership In Organizations". New York : PEARSON muat turun daripada <http://www.mim.ac.mw/books/Leadership%20in%20Organizations%20by%20Gary%20Yukl.pdf.No1fvHJjqGHg1RgmjuvjD0oYNhx7MNeo>

Hazilah Mohd Amin et al.(2013). *Kemahiran Insaniah Pelajar Prasiswazah: Analisis Perbezaan Jantina*. Jurnal Teknologi (Social Sciences) Vol.1No.1, 19–25.

Jarvis, P. & Parker, S. (2005), *Human Learning : An Holistic Approach*. London: Taylor & Francis.

Juliza Ezaida Jumelan (2014). *Penguasaan Kemahiran Insaniah Pelajar Dalam Penglibatan Aktiviti Kokurikulum Badan Beruniform Di UTHM*. (Tesis Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional). Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

Kamus Dewan (2007). Edisi Keempat. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Khaidzir Ismail, Khairil Anwar Shaharuddin dan Ahmad Jumali Selamat (2010). *Profil Personaliti Bakal Calon Majlis Perwakilan Pelajar UKM: Suatu Perbandingan Antara Lelaki dan Wanita*. Jurnal Personalita Pelajar. Bil 13. 37-56 Jun 2010.

Kementerian Pengajian Tinggi. (2006). *Modul Pembangunan Kemahiran Insaniah (Soft Skills) Untuk Institusi Pengajian Tinggi Malaysia*. Selangor: Universiti Putra Malaysia.

Mahmood Zuhdi Hj. Ab Majid (1999). *Dinamisme Kepimpinan Islam*. Kertas kerja dibentangkan di Seminar Kepimpinan Islam Serantau, 14 & 15 Jun 1999. Dewan Kuliah Utama, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.

Marliana Musa & Ahmad Esa (2009). *Tahap Penguasaan Kemahiran Generik Dalam Kalangan Pelajar Tahun Akhir Diploma Kejuruteraan Elektrik Serta Pendidikan, UTHM*. Journal of Techno Social, 1(1). Retrieved from <https://publisher.uthm.edu.my/ojs/index.php/JTS/article/view/311>

Mohd. Hamidi Abdul Hamid (2002). *Pengurusan Sekolah Cemerlang Menurut Islam*. Maran: Perniagaan Qomarul Roihan.

Mohd Najib Abdul Ghafar (2007). *Intervensi Pembangunan Organisasi Pendidikan*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.

Muhd Akmal Noor @ Buang Rajikon, Razaleigh Muhamat @ Kawangit, Rosli Saadan, Zanariah Jano, A'dawiyah Ismail (2015). *Teori Gaya Kepimpinan Barat Diadaptasi Daripada Teori Gaya Kepimpinan Islam (Al-Quran)*. Journal of Human Capital Development Vol. 8 No. 1, January - June 2015.

Nealy,C.(2005).*Integrating Soft Skills Through Active Learning In The Management Classroom*. Journal of College Teaching & Learning, 2(4), 1-6.